

## **BAB V**

### **PENUTUP**

Bab ini merupakan penutup bagi keseluruhan kajian penulis. Penulis akan mengemukakan rumusan dan beberapa kesimpulan berdasarkan kepada kajian dan analisis yang telah di jalankan dalam kesemua bab tesis ini. Seterusnya penulis akan membuat beberapa saranan dan cadangan bagi memantapkan kajian seumpama ini pada masa-masa hadapan.

#### **5.1 Kesimpulan**

Natijah daripada pembahasan dalam bab-bab yang sebelum ini, dapatlah penulis huraikan sebagaimana berikut:

Penulis mendapati bahawa Prof DR Teuku Daniel Djuned MA merupakan tokoh ilmuan Nusantara dengan membaktikan diri dalam penulisan dan pengajaran dalam lingkungan kampus mahupun kepada masyarakat. Justeru kepakarannya dibidang hadith amat menonjol dan terseralah. Beliau merupakan tokoh ulama yang berasal dari Aceh, Sumatera, Indonesia.

Sejauh penyelidikan yang dilakukan oleh penulis, didapati bahawa karya Daniel Djuned di bidang hadith hanya dua tajuk karya yang telah diterbitkan dan yang siap untuk diterbitkan tiga tajuk akan tetapi hard disk penyimpan karya tersebut rosak sehingga tidak mampu memberikan sumbangan penulisannya menjadi lebih banyak. Meskipun sedikitnya karya penulisan tidak menjejaskan kehebatan dengan masih memberikan sumbangan melalui pengajaran. Hal ini diakui oleh ramai murid-murid beliau. Daniel Djuned mempunyai tiga faktor-faktor yang mendorong dalam penulisan karya ini, iaitu : 1. Faktor keilmuan 2. Faktor memperkaya khazanah keislaman pada hadith Rasulullah 3. Faktor tanggung jawab kepada masyarakat.

Daniel Djuned memberikan paradigma baru dari segi pengajaran mahupun pemikiran dalam bidang hadith. Sesungguhnya pengajian hadith tidak sedikit yang merasa takut untuk mempelajarinya tetapi dengan cara sistem yang dipakai dapat memberikan suasana baru sehingga memudahkan para pelajar dalam mendalami ilmu hadith. Beliau menggunakan dengan tiga sistem pengajaran iaitu, sistem diskusi, sistem tanya jawab dan sistem pembiasaan, tanpa mengesampingkan sistem pengajian halaqah dan talaqi bergantung kepada jama'ah yang mengikuti pengajiannya.

Hasil analisa dalam pemikirannya, terbahagi menjadi dua sumbangan pemikiran, iaitu pemikiran pendekatan pemahaman hadith Nabi dan pemikiran masalah kontemporeri dalam perspektif hadith. Telah juga diketahui karakteristik pemikirannya Daniel Djuned yang lebih berorientasi atau pandangan dalam pengkajian hadith pada kritik matan. Kerana beliau beranggapan bahawa kualiti sanad hadith dari beberapa kitab hadith khususnya pembahasan tentang sanad sudah banyak dikaji oleh para ulama hadith sebelumnya. Oleh kerana itu, *al-tarjih* dan *al-ta'dil* dianggap telah selesai, dalam pengertian bahawa segala hal yang membahas kredibiliti periwayat telah dibukukan secara baik oleh para ahli hadith sebelumnya. Dalam pemahamannya tentang hadith tidak parsial tetapi cara memahaminya dengan sangat *tabayyūn*, yang bermaksud tidak langsung mengambil hadith secara acak untuk dalil-dalil. Adapun keaslian pemikirannya Daniel Djuned memberikan perhatian yang seimbang dikalangan ulama ahli fiqh, misalnya al-Syafi'i dan juga memberikan tempat kepada kelompok salafi semisal Ibn Taimiyah, dan juga dari tokoh kontemporeri iaitu Yusuf al-Qaradawi. Implikasi dari pemikiran Daniel Djuned ini, *Pertama*, Pemahaman hadith yang telah membangun dialog hingga terjadinya pro-kontra yang membuka peluang adanya pengembangan wawasan dalam studi pemikiran dalam pemahaman hadith. *Kedua*, berguna untuk menggali nilai-nilai hadith yang relevan untuk keperluan pada masa sekarang ini.

Jika dilihat dari analisa pemikirannya di atas, walapun tidak begitu terserlah berbanding dengan tokoh hadith masa lalu, tetapi Daniel Djuned adalah tokoh penyemangat dalam mengkaji ilmu hadith ditengah ego masyarakat yang mulai menafikan rujukan kepada al-Quran dan al-Hadith.

Demikian besar sumbangan yang telah dicurahkan oleh Daniel Djuned sehingga patut untuk diterokai dalam khazanah dan kedudukannya yang pantas. Di antara pengajaran berharga lainnya yang dapat dipetik daripada sejarah kehidupan Daniel Djuned ialah kesederhanaan, Nasionalisme (roh kebangsaan) dan kewibawaan intelektual. *Wallāhua'lam bi al-Ṣawāb.*

### **5.3 Saranan dan Cadangan**

Pengkaji ingin menyatakan beberapa saranan dan cadangan kearah yang lebih komprehensif terhadap tokoh Daniel Djuned terutama berkaitan dengan pemikirannya sebagai tindak lanjut kepada kajian ini. Diantaranya ialah :

1. Disarankan agar pelajar menyelidiki lebih lanjut tentang pengaruh yang dimiliki Daniel Djuned dengan sebagai pembanding dengan tokoh ulama Nusantara lainnya sebagai memperdalam pengkajian dan memperkaya khazanah keilmuan di alam melayu
2. Para sarjana diharapkan membuat kajian secara menyeluruh tentang sumbangan pemikiran oleh ulama melayu agar mendapat pengajaran dari pemikiran tersebut sebagai pembanding dalam kajian ilmu hadith.
3. Diharapkan agar para peminat kajian keislaman menyelidiki tokoh-tokoh atau ulama di Sumatera yang telah memiliki sumbangan dalam perkembangan keilmuan islam di Nusantara. Lebih-lebih lagi, dalam kajian hadith yang masih kurang peminatnya. Misalnya, menyelidiki tokoh-tokoh hadith pada era 80-an,

90-an dan sehingga kini. Seperti tokoh hadith Ramli Abdul Wahid, dan Edi Syafri.

Akhirnya, semoga kajian sederhana ini mendapat taufik serta keredhaan daripada Allah s.w.t dan bermanfaat kepada generasi yang akan datang dalam menghayati dan menyelidik sumbangan hasil karya ulama mahupun sumbangan lainnya dari pengajaran dan pemikiran ulama di alam melayu. Kepada para pembaca yang sudi memberikan cadangan bagi penambahbaikan tulisan ini amat dihargai dan penulis mengucapkan ribuan terima kasih.